

06/11/1997

Saranan PM buka peluang kritikan perlu dilaksanakan

KUALA LUMPUR, Rabu - MCA dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menyifatkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perlunya kritikan kepada pemimpin segera dilaksanakan di semua peringkat.

Mereka berpendapat pelaksanaannya perlu menyeluruh sama ada di peringkat agensi kerajaan, swasta, ketua pertubuhan politik dan belia atau di peringkat ketua keluarga.

Naib Presiden MCA, Datuk Yap Pian Hon menggesa Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Abdul Halim Ali memaklumkan kepada ketua jabatan supaya membuka peluang kritikan bagi memperbaiki kelemahan pengurusan.

Beliau berkata, kritikan membina perlu dibudayakan di semua peringkat bagi membolehkan segala kelemahan diperbaiki.

"Kritikan bukan bermaksud mencaci atau menuduh tanpa sebab.

"Contohnya, dalam kejadian kekurangan bekalan air baru-baru ini, masing-masing pihak menyalahkan pihak lain.

"Kritikan mestilah berasaskan fakta meyakinkan," katanya, hari ini.

Yap mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam yang mahu wujud pengkritik kerana tanpa mereka, masyarakat atau pemimpin boleh melencong ke jalan salah dan mudah berpuas hati dengan apa yang dilakukan.

Menurut Dr Mahathir, pengkritik sangat diperlukan oleh mereka yang memainkan peranan penting dalam masyarakat.

"Tanpa kritikan mereka tidak akan tahu apabila mereka salah dan mungkin tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka, selain mudah terbawa-bawa dengan kebijaksanaannya ataupun dengan pengaruh mereka," katanya.

Presiden PRM, Prof Dr Syed Husin Ali mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri itu berkata, ia perlu dilaksanakan di semua peringkat pemimpin.

Menurutnya, masyarakat secara psikologinya ditakutkan melalui undang-undang menyebabkan kritikan membina secara terbuka sukar dijadikan kenyataan.

Beliau berkata, masyarakat berasa perlu kepada pendapat alternatif seperti keperluan kepada media luar.

"Ini boleh dilihat petanda wujudnya surat layang dan kata-kata cemuhan dibelakang," katanya.

Prof Dr Syed Husin berkata, jika peluang kritikan dibuka, masalah surat layang dan kata cemuhan di belakang boleh dikurangkan, sekali gus menambah kecekapan pengurusan.

(END)